

12/11/2000

Mahathir setuju pencalonan MIC

BUKIT MERTA JAM: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setuju dengan cadangan calon bagi kerusi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, Kedah yang dikemukakan MIC, kelmarin.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, bagaimanapun Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain diberi mandat untuk mengumumkan nama calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding itu.

Menurutnya, pengumuman itu akan dilakukan dalam tempoh terdekat ini supaya semua komponen BN dapat bergabung untuk persiapan menghadapi pilihan raya kecil itu.

"Calon berkenaan adalah ahli MIC yang dilahirkan di Sungai Petani, Kedah dan seorang profesional," katanya kepada pemberita selepas menziarahi keluarga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Lunas, mendiang Dr Joe Fernandez di Taman Bukit, di sini, semalam.

Berita Minggu difahamkan, calon berkenaan yang berusia lewat 40-an itu bertugas sebagai peguam berpejabat di Butterworth.

Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai penterjemah dan seterusnya sebagai Majistret di Butterworth.

Samy Vellu, berkata perasaan simpati orang ramai terhadap kejadian yang menimpa mendiang Dr Joe dijangka mempengaruhi pengundi untuk tetap memilih calon BN.

"Ramai beranggapan, kejadian seumpama itu tidak harus berlaku ke atas pemimpin yang dipilih rakyat," katanya.

Ditanya mengenai persiapan MIC menghadapi pilihan raya kecil itu, Samy Vellu, berkata sejak 24 jam, sebuah bilik gerakan dibuka di Taman Seladang, Lunas.

"Mesyuarat untuk menetapkan jumlah ahli yang akan bertugas juga diadakan, selain mengenal pasti kedudukan sebanyak 19 kawasan peti undi Lunas.

"Sehingga kini, dua daripada kawasan peti undi dianggap neutral (seimbang) dan satu lagi kawasan, majoritinya penyokong pembangkang," katanya.

Bagaimanapun, katanya, secara keseluruhan, MIC dan BN yakin mampu mengekalkan kerusi DUN Lunas dalam pilihan raya kecil nanti.

Menurutnya, perbincangan dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin juga memutuskan untuk meneruskan projek pembangunan di sekitar Lunas.

Katanya, semua projek yang dirancang termasuk janji mendiang Dr Joe kepada pengundi di kawasan berkenaan akan tetap dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Pembangunan tetap akan diteruskan walaupun tanpa wakil rakyat," katanya.

Beliau juga menolak dakwaan pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang menganggap masyarakat India di negara ini sebagai rakyat kelas ketiga.

"Jika dakwaan ini dijadikan isu menjelang pilihan raya kecil ini, saya akan mengemukakan butiran mengenai kedudukan keturunan India dan bantuan yang disediakan Perdana Menteri kepada kaum India di negara ini," katanya.

Menurutnya, kenyataan mengenai masyarakat India tidak berpuas hati dengan BN tidak benar kerana pilihan raya umum lalu, undi kaum berkenaan mencecah hingga 78 peratus kepada calon BN.

(END)

